

05/01/2000

RM24 juta peruntukan tanam semula getah

TAMPIN, Selasa - Risda negeri ini diperuntukkan sejumlah RM24 juta untuk tujuan penanaman semula getah di ladang seluas 3,150 hektar sepanjang tahun ini.

Jumlah itu lebih RM6 juta berbanding peruntukan sejumlah RM18 juta yang diperuntukkan tahun lalu untuk pelaksanaan di kawasan seluas 200 hektar.

Pengarah Risda negeri, Wan Mohd Zaki Wan Mohamad, berkata pertambahan peruntukan itu membuktikan keprihatinan kerajaan untuk membela nasib penduduk luar bandar khususnya pekebun kecil.

Beliau berkata demikian pada majlis penyampaian wang insentif pengurusan semula kebun getah (PKG) kepada 30 pekebun kecil getah Londah Dua dan Kampung Air Gelugor di balai raya Kamung Gedok, 25 kilometer dari sini, hari ini.

Wang itu disampaikan oleh Ahli Parlimen Tampin, Shaziman Abu Mansor.

Katanya, setiap peserta diberi insentif sebanyak RM120 bagi setiap hektar untuk mereka membabitkan diri dalam tanaman semula getah. Kebanyakan peserta terbabit terdiri daripada golongan tua yang tidak berupaya untuk menjayakan kebun mereka.

Menurutnya, program PKG yang diperkenalkan di negeri ini tahun lalu dengan peruntukan sebanyak RM1.8 juta, bagi tujuan menanam semula di kebun getah seluas 700 hektar.

Daripada jumlah itu, RM1.1 juta diperuntukkan untuk kawasan Negeri Sembilan Timur, termasuk daerah Tampin.

Menerusi skin ini, beliau kawasan kebun getah terbiar yang berselerak di seluruh negeri ini dapat diusahakan secara sistematik.

Sementara itu, Shaziman berkata kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan tetap menunaikan serta melaksanakan janji seperti yang terkandung dalam manifesto pilihan raya umum lalu.

Katanya, kerajaan akan memberi tumpuan untuk membasmi kemiskinan di kawasan luar bandar dengan menyediakan kemudahan prasarana, terutamanya bekalan air bersih, elektrik, jalan kampung, sekolah dan klinik kesihatan.

Langkah itu, katanya, bertujuan menaikkan taraf hidup penduduk di kawasan terbabit.

"Apabila projek ini mengeluarkan hasil kira-kira empat tahun lagi, sudah pasti ia akan dapat meningkatkan ekonomi penduduk luar bandar," katanya.

(END)